

10 JUL 2003

Mahathir-Ulama/I (Bergambar)

BIMBINGAN ULAMA DAPAT KEMBALIKAN KEGEMILANGAN TAMADUN ISLAM - PM

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa golongan ulama perlu memimpin ummah memperbetulkan interpretasi mengenai Islam dalam usaha mengembalikan semula kegemilangan tamadun Islam.

Perdana Menteri berkata sebagai golongan yang berpengaruh dalam masyarakat Islam, ulama dilihat mampu untuk mengubah arah pemikiran minda umat Islam.

"Jika ulama tidak mahu dipandang rendah dan hina oleh musuh kita, jadi anda sekalian perlu memberitahu kita apa yang perlu dilakukan untuk mengembalikan kegemilangan dan tamadun agung masa lampau kita," katanya ketika merasmikan Multaqa Ulama Sedunia di sini.

Dr Mahathir berkata para ulama perlu membuat keputusan itu secara konsensus supaya tidak timbul lagi perbezaan interpretasi yang akhirnya terus memecah-belahkan umat Islam.

"Itu adalah tugas menyeluruh ulama kepada Islam dan ummah," kata beliau.

Berucap di hadapan kira-kira 900 peserta termasuk ulama, cendekiawan dan pemikir Islam dari 33 negara pada multaqah itu, Dr Mahathir berkata nasib malang umat Islam itu berlaku akibat perbuatan umat Islam sendiri termasuk kegagalan untuk mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Menekankan peri pentingnya peranan ulama dalam menentukan kebangkitan masyarakat Islam, beliau berkata ulama perlu mendorong ummah ke arah mencapai kemajuan dan kekuatan mereka.

"Untuk mencapai kejayaan seperti yang telah dicapai oleh pengkritik kita bukanlah sukar. Tetapi kita perlu ditunjukkan ke arah yang betul. Ulama-ulama boleh membantu kita melakukannya," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam boleh mencapai semula kegemilangan lampau jika umat Islam diorientasikan ke arah menguasai pengetahuan dan kemahiran mengenai Islam untuk menjadikan panduan hidup atau "Addin" mereka dihormati dan dikagumi oleh masyarakat lain.

Menurutnya umat Islam tidak akan mampu mengembalikan penghormatan kepada Islam dan diri mereka kecuali jika mereka berkemampuan untuk mempertahankan ummah.

"Ini terpulanglah kepada orang Islam untuk memulihkan semula agama mereka dan mengembalikan kegemilangan tamadun Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan ulama mesti membimbing umat Islam dalam usaha itu tetapi tindakan sebenar mestilah dilakukan oleh umat Islam yang berkelayakan dalam pelbagai kemahiran kerana "adalah malang jika mereka yang pakar dalam satu bidang mengandaikan bahawa mereka juga pakar dalam setiap bidang."

Sambil menegaskan bahawa usaha menyelamatkan umat Islam bukanlah dengan membunuh insan yang tidak berdosa, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada keupayaan mereka untuk merancang dan melaksanakan pembangunan jangka panjang serta mengungguli semua bidang.

Walaupun proses pemulihan mereka akan mengambil jangka masa panjang, beliau berkata umat Islam perlu bersabar tetapi "InsyaAllah, mereka akan berjaya jua akhirnya."

"Kita mesti membuktikan pada dunia bahawa Islam bukanlah penghalang kepada kemajuan, bahawa Islam adalah agama sepanjang zaman, bahawa Islam adalah agama keamanan dan kestabilan, bahawa Islam akan terus wujud dalam dunia di mana umat Islam adalah hanya satu per enam daripada jumlah

manusia," kata beliau.

Dr Mahathir juga mengingatkan umat Islam supaya tidak menerima sesiapa sahaja yang mendakwa dirinya ulama kerana ramai ulama itu sebenarnya adalah pembohong yang mempunyai kepentingan dalam agenda mereka.

"Pembohong-pembohong ini telah mengelirukan umat Islam hinggakan seringkali amalan mereka sukar dianggap sebagai Islamik," kata beliau.

Dr Mahathir memperkatakan dengan panjang lebar mengenai perpecahan di kalangan umat Islam akibat perbezaan ajaran dan interpretasi mengenai Islam.

"Perbezaan dalam Islam adalah sesuatu yang sihat dan dibenarkan tetapi tidaklah sampai menuduh yang lain sebagai tidak beragama, kafir dan melancarkan perang sesama sendiri dan bersekongkol dengan bukan Islam untuk menentang saudara Islam," kata beliau.

Dr Mahathir turut menghuraikan mengenai politik Islam yang menggunakan agama itu untuk kepentingan politik hingga menyebabkan salah interpretasi mengenai Islam bagi mewajar dan menyokong agenda politik mereka.

10/07/2003 10-16ST